

“LIBRARY for ALL” ISSN : 2289-9537

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitmwww.instagram.com/ptaruitmperpustakaanuitm.blogspot.my

DELEGASI PTAR KE IFLA WLIC 2018



Rombongan Perpustakaan Tun Abdul Razak seramai 20 orang Pengurusan Kanan Perpustakaan UiTM telah menghadiri IFLA WLIC 2018 (World Library and Information Congress) kali ke 84 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang julung kali diadakan di Malaysia pada 24 hingga 30 Ogos 2018. Rombongan tersebut diketuai oleh Ketua Pustakawan UiTM , Encik Noor Hidayat Adnan, Pengurusan Kanan PTAR, Ketua-Ketua Perpustakaan UiTM Cawangan, dan Pustakawan Kanan. 6 orang Pustakawan Kanan juga terpilih sebagai sukarelawan IFLA WLIC 2018. Tema IFLA WILC 2018 ialah “Transform Libraries, Transform Societies”. Sebanyak 250 kertas kerja telah dibentangkan, manakala seminar prapersidangan turut diadakan selama dua hari bermula 22 Ogos di beberapa perpustakaan di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI INTERNATIONAL FEDERATION OF LIBRARY ASSOCIATIONS AND INSTITUTIONS (IFLA) WORLD LIBRARY AND INFORMATION CONGRESS (WLIC) 2018



Tahniah dan Syabas diucapkan kepada Puan Nurfarawahidah Badruesham, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka kerana telah terpilih bagi membentangkan dua kertas kerja sempena IFLA WLIC 2018 yang julung-julung kalinya di Malaysia bagi dua kertas kerja :

1. Sesi 114 : Sanctuaries in the city: the public library as a safe space - Metropolitan Libraries
Bertajuk: "Library For The Homeless: A Case Study Of A Shelter House And A School For Homeless In Indonesia And Malaysia"
2. Sesi 142 : Librarian fashion: What does the way we dress say about us? - New Professionals, Management of Library Associations and Public Libraries
Bertajuk: Does Our Grooming Affect the Usage of our Library? A Sharing of Experiences from a Series of Workshops

Perpustakaan UiTM amat berbangga di atas penglibatan puan dengan membuat pembentangan kertaskerja di IFLA, peringkat Antarabangsa.

PAMERAN OGOS 2018

Oleh: Adlina Abdullah



PAMERAN TRAGEDI BUKIT KEPONG

Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Dengan Kerjasama
Muzium PDRM



Tajuk: Pameran Tragedi Bukit Kepong

Tragedi Bukit Kepong merupakan peristiwa bersejarah Malaysia sebelum mencapai kemerdekaan. Kejadian serangan komunis ke atas Balai Polis Bukit Kepong tersebut berlaku semasa keadaan darurat di Persekutuan Tanah Melayu selepas Perang Dunia II.

Objektif utama pameran adalah bagi mengenang jasa dan pengorbanan yang dicurahkan oleh wira-wira negara terdahulu. Sehubungan itu, antara intipati pameran Ogos 2018 adalah:

1. Poster Pameran Tragedi Bukit Kepong
2. Gambar-gambar perajurit Bulit Kepong
3. Gambar-gambar semasa Tragedi Bukit Kepong
4. Bahan Bacaan berkaitan Tragedi Bukit Kepong
6. Tayangan Video Bukit Kepong
7. Tayangan video lagu-lagu patriotik,
8. Dokumentasi dan Video Merdeka
9. Pengisahan Sejarah Bukit Kepong

Pameran Ogos 2018 berlangsung sepanjang Ogos 2018. Semoga dengan pameran ini dapat memberi manfaat pada semua warga universiti.

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT, KEMBARA BUDAYA & KHIDMAT BAKTI SISWA

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman



Tarikh: 23 — 27 Ogos 2018

Lokasi: Perkampungan Muslim Phnom Penh, Kemboja

Kelab Warisan Budaya UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka dengan Kerjasama Strategik Ibzura World Travel and Tours, Hesz Global Marketing, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka & Persatuan Palapes UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menganjurkan Program Khidmat Masyarakat, Kembara Budaya & Khidmat Bakti Siswa di Perkampungan Muslim Phnom Penh, Kemboja. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan antaranya ibadah korban 25 ekor lembu, Waqaf Telaga, pemberian peralatan seperti Telekung, Sejada, Iqra, Makanan. Selain itu juga aktiviti sukaneka juga turut dilaksanakan oleh Persatuan Palapes UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin kepada kanak-kanak Muslim di Kemboja.

LIBRARY OUTREACH @ KURSUS PEMBANGUNAN PROFESIONAL KEPIMPINAN DAN TANGGUNGJAWAB PENSYARAH UITM

Oleh: Hazlin Ibrahim Khan



Tarikh: 14 Ogos 2018

Lokasi: Dewan Syura Al-Mizan, UiTM Cawangan Melaka

Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah mengambil peluang menjalankan program Library Outreach bersempena berlangsungnya Kursus Pembangunan Profesional Kepimpinan dan Tanggungjawab Pensyarah UiTM anjuran Unit for Academic and Leadership Development (UALD) pada 14 Ogos 2018 di Dewan Syura Al-Mizan, UiTM Cawangan Melaka.

Mengambil peluang ini, Perpustakaan telah mendedahkan kepada seramai 130 orang pensyarah berkaitan perkhidmatan digital perpustakaan khususnya Mobile Apps, Live Chat, aplikasi QR Code dalam pengaksesan maklumat, pengaksesan online database, UiTM Institutional Repository, promosi Keahlian Luar dan lain-lain perkhidmatan perpustakaan.

Selain daripada itu, bagi menggalakkan budaya membaca, kemudahan pinjaman buku melalui Book Delivery Service juga ditawarkan buat pertama kali nya semasa program berlangsung.

LATIHAN & "JOB ATTACHMENT" PTAR UITM CAWANGAN PERAK

Oleh: Ilya Nur Fateen Othman



Pada 09 Ogos 2018, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah menerima lawatan 'Job Attachment' dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak.

Lawatan rasmi bertujuan untuk melihat proses kerja pendigitalan bahan harta intelek yang dilakukan oleh Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka. Selain itu, proses muat naik pra metadata bahan harta intelek ke dalam sistem 'Institutional Repository' (IR) UiTM juga ditunjukkan. Lawatan ini telah disertai oleh 5 orang staf dari PTAR UiTM Cawangan Perak yang terdiri daripada Pustakawan Kanan dan juga pembantu pustakawan. Lawatan ini telah diberikan taklimat oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman dan Encik Mohd Jefary Jantan.

PAMERAN KEMERDEKAAN: SAYANGI MALAYSIAKU

Pada 16 Ogos 2018 sehingga 16 September 2018, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah mengadakan Pameran Kemerdekaan: Sayangi Malaysiaku. Pameran ini diadakan sempena menyambut bulan Kemerdekaan & Hari Kebangsaan Ke- 61. Pameran ini diadakan untuk menaikkan semangat patriotik yang ada di dalam jiwa warga UiTM Cawagan Melaka yang bertemakan Sayangi Malaysiaku.

Pameran ini berlangsung selama sebulan sekali dengan sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2018.



LIBRARY OPEN DAY 2018 PTAR KAMPUS DENGKIL

Oleh: Nik Zatihulwani Jamaludin



Tarikh : 1-2 Ogos 2018

Lokasi: PTAR Kampus Dengkil

Program yang dianjurkan oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) ini merupakan program yang dijalankan setiap tahun. Pada tahun ini, program hari mesra pelanggan ini bertemakan "Best Friend" selaras dengan objektif dan matlamat PTAR untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber informasi kepada warga kampus serta merapatkan interaksi harmoni antara warga kampus dengan PTAR.

Program ini merupakan satu pendekatan untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra kepada seluruh warga UiTM Kampus Dengkil.

Library Customer Day 2018 telah merancang beberapa aktiviti sepanjang program berlangsung untuk warga kampus iaitu:

- i. Library Scavenger Hunt
- ii. Clever Boys and Girls Kahoot Game
- iii. Guess My Weight!
- iv. Virtual Library for Education
- v. Blind Date with a Book
- vi. Quiz Let's Knowledge Be Your BFF

Program ini memberi impak kepada seluruh warga kampus terutamanya dalam:

- i. Memberi pendedahan kepada pengunjung tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh PTAR.
- ii. Melahirkan warga kampus yang celik teknologi maklumat melalui program konsultasi pencarian maklumat.
- iii. Memberi pendedahan tentang teknologi interaktif dalam pembelajaran kini yang terdapat dalam perpustakaan.

LAWATAN AKADEMIK KE PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG DAN PERPUSTAKAAN DIGITAL PULAU PINANG

Oleh: Atirah Ruslan

Unit JK Latihan QE/5S Perpustakaan Sultan Badlishah telah menganjurkan lawatan akademik ke Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang pada 16 Ogos 2018.

Objektif lawatan untuk mewujudkan satu budaya perkongsian amalan terbaik dan memberi pendedahan kepada kakitangan PSB mengenai pengurusan perkhidmatan perpustakaan awam kepada masyarakat setempat.



SEKITAR LAWATAN DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU



PENANG DIGITAL LIBRARY

SEKITAR LAWATAN DI PERPUSTAKAAN DIGITAL PULAU PINANG

TAHNIAH PSB MEMENANGI PERTANDINGAN DEKORASI KECERIAAN KEMERDEKAAN

Oleh: Atirah Ruslan

Perpustakaan Sultan Badlishah telah menerima juruaudit daripada Jab. Kebangsaan Warisan Negeri Kedah, Jab. Perpaduan & Integrasi Negeri Kedah dan Jab. Penerangan Negeri Kedah sempena pertandingan Dekorasi Keceriaan Kemerdekaan "Sayangi Malaysiaku" pada 28 Ogos 2018. Pertandingan ini telah berlangsung di peringkat UiTM Caw. Kedah. Alhamdulillah PSB telah menjuarai pertandingan ini dan menerima wang tunai RM300.00. Keputusan telah diumumkan pada 30 Ogos 2018.



PROGRAM KEPIMPINAN, KEROHANIAN DAN CAPAHAN MINDA SK PENJOM 2018

Oleh: Mohd Fadhl bin Samsudin



Pada 9 Ogos 2018, telah berlangsung "Program Kepimpinan, Kerohanian dan Capahan Minda" yang melibatkan seramai 40 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Penjom, Kuala Lipis, Pahang. Program ini adalah jalinan kerjasama Jawatankuasa Sekolah Kluster Kecemerlangan UiTM Pahang dengan Jawatankuasa Induk Kluster Sekolah Kebangsaan Penjom yang melibatkan staf Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang sebagai jurulatih dan fasilitator. Program yang dirangka melibatkan beberapa aktiviti latihan dalam kumpulan yang dijalankan di dalam dan luar perpustakaan. Terdapat juga sesi perkongsian ilmu oleh staf Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Pahang bagi menyentuh aspek kerohanian. Program bertujuan untuk menyemai sifat kepimpinan dalam diri pelajar dan erti kerjasama berpasukan. Program yang dijalankan di Perpustakaan Al-Bukhari itu disertakan dengan lawatan sekitar perpustakaan. Pelajar-pelajar yang terlibat terdiri daripada pemimpin pelajar termasuklah pengawas sekolah, pengawas perpustakaan dan ketua darjah.

PROGRAM KHIDMAT BANTU PUSAT SUMBER SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN JENGKA PUSAT 2

Oleh: Mohd Fadhl bin Samsudin



Pada 16 Ogos 2018, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang telah bermurah hati untuk melakukan Aktiviti Khidmat Masyarakat kepada komuniti sekolah yang berhampiran. Perpustakaan telah memilih SK Jengka Pusat 2 dan fokus utama adalah kepada bahagian pusat sumber sekolah. Para staf perpustakaan telah berkampung di pusat sumber sekolah selama 5 hari sehingga selesai keseluruhan proses 'make over'. Pusat sumber tersebut telah didekorasi dengan bertemakan abd ke 21. Diharapkan dengan wajah baru yang lebih ceria dapat memberi keselesaan kepada para pelajar untuk terus menggunakan pusat sumber sebagai tempat rujukan dan belajar.



PROGRAM KHIDMAT BANTU PUSAT SUMBER SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN JENGKA PUSAT 2

Oleh: Mohd Fadhl bin Samsudin



Pada 20 Ogos 2018, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang telah mengadakan aktiviti 'outdoor' di Taman Negara Pahang dengan bertemakan 'Bonding with Nature'. Program selama sehari itu melibatkan seramai 48 orang termasuklah staf perpustakaan serta keluarga dan pelajar praktikal. Perjalanan bermula awal pagi dari kampus menaiki bas dan perlu menaiki bot untuk mengharungi sungai di Taman Negara tersebut. Aktiviti utama program adalah berjalan melalui jambatan gantung atau 'Canopy Walk' yang berada tinggi dari kedudukan tanah. Sepanjang program, peserta dapat memupuk semangat kerjasama dan tolong-menolong dalam mengharungi laluan yang mencabar termasuklah meredah hutan belantara. Ianya juga dapat memupuk semangat setiaawan dan kekeluargaan yang amat penting dalam sesebuah organisasi.


LAWATAN DAN JALINAN KERJASAMA PDII LIP INDONESIA

Oleh: Mohd Fadhl bin Samsudin



Pada 28 Ogos 2018, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang telah menerima kunjungan daripada warga Pusat Dokumentasi dan Informasi Ilmiah (PDII), Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI). Rombongan seramai 3 orang staf dari jabatan tersebut telah hadir ke perpustakaan sejurus tiba di KLIA dari Indonesia. Lawatan adalah bertujuan untuk menjalankan kerjasama di antara Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Pahang dan PDII LIPI. Pertemuan juga bertujuan membincangkan skop kerjasama yang berkaitan dan hala tuju pada masa akan datang. Perbincangan turut disertai Timbalan Rektor PJI, Dr. Badli Esham Ahmad yang mewakili UiTM Pahang. Pertemuan selama setengah hari itu telah banyak menyumbang input dalam memperhalusi jalinan kerjasama yang akan dijalankan. Semoga kerjasama ini dapat direalisasikan dan berterusan sehingga ke peringkat tertinggi.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



CONFERENCE ON DIVERSITY OF DATA R SOURCE DESCRIPTION & ACCESS (RDA) IN THE INTERNATIONAL CONTEXT

Tarikh: 23 Ogos 2018 (Khamis)

Tempat: Dewan Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur

Pegawai Hadir:

1. Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah
2. En. Muhammad Zaidie Bardan

(Bahagian Pemprosesan Teknikal, Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan)

Anjuran : RDA Board

Objektif : Persidangan ini bertujuan untuk berkongsi pandangan dan pengalaman dalam melaksanakan RDA di negara masing-masing. Di samping itu, peserta akan dapat mengetahui perkembangan terkini standard RDA. Seramai 300 orang peserta persidangan terdiri daripada para pustakawan dari seluruh dunia, pensyarah dan pelajar IPT dijangka menghadiri persidangan ini.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



TAKLIMAT PROGRAM PENGGIATAN BUDAYA MEMBACA IPT

Tarikh: 16 Ogos 2018

Tempat: Bilik Seminar PTAR Utama

Masa: 2.30 ptg - 4.30 ptg



MESYUARAT PROGRAM KERJASAMA PTAR & DEWAN BAHASA & PUSTAKA (DBP)

Tujuan : Program kerjasama PTAR & DBP sempena Library Customer

Day & Bulan Membaca tahun 2018

Tarikh: 15 Ogos 2018

Tempat: Bilik Seminar PTAR

AKTIVITI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



KIBARKAN JALUR GEMILANG@ PTAR SEMARAKKAN SEMANGAT KEMERDEKAAN

Tarikh: 03 Ogos 2018 (Jumaat)

Tempat: PTAR Utama, UiTM Shah Alam



LAWATAN PENANDA ARASAN PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG UKM BANGI KE PTAR

Tujuan : Menanda aras Fungsi dan Tugas Bahagian Penyelidikan dan Rujukan (BPR)

Tarikh: 15 Ogos 2018

Tempat: Bilik Seminar PTAR

Masa: 9:30pg - 1:00ptg

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN MELAKA



KEMPEN JOM KIBARKAN JALUR GEMILANG

Tarikh: 6 Ogos 2018

Lokasi: Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin



KARNIVAL STEM

Tarikh: 13 – 14 Ogos 2018

Lokasi: Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin



LAWATAN BENCHMARK 5S

Tarikh: 21 Ogos 2018

Lokasi: Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

Peserta: 10 orang pensyarah dari Akademik Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN MELAKA



EMERALD PUBLISHING TRAINING @ KBM

Tarikh: 08 Ogos 2018

Tempat: Makmal Komputer 1 (ZMK1), UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya

Penceramah: Elvin Cheah dari Emerald Publishing

Tajuk: Cara pencarian artikel dan 'publish' artikel

Peserta: 30 orang peserta



HEARTRACE 8.0: BACK TO NATURE & PELANCARAN JOM KIBARKAN JALUR GEMILANG

Tarikh: 09/08/2018

Masa: 8.00 pagi - 1.00 petang

Tempat: Taman Rama - Rama & Reptilia Melaka

Anjuran: Unit Kesihatan UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN PERAK



PERTANDINGAN SOALAN BERKENAAN PAMERAN 2.0 PTAR KAMPUS TAPAH

Tarikh: 06 Ogos 2018 (Isnin)

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah

Penyertaan: Pelajar Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik dan
Fakulti Sains Gunaan, UiTM Kampus Tapah



LIBRARY TOUR PELAJAR INTERIM SESI JULAI 2018 PTAR CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH

Tarikh: 06 Ogos 2018 (Isnin)

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah

Masa: 8.30 pagi - 12.30 tengahari

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN PULAU PINANG



SESI TAKLIMAT BERPANDU PELAJAR INTERIM

Tarikh: 09 Ogos 2018 (Khamis)

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh

Bilangan peserta: 750 orang

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN KEDAH



PERTANDINGAN PERARAKAN KEMERDEKAAN SEMPENA PROGRAM 10 RIBU LANGKAH : SAYANGI JANTUNGKU, SAYANGI MALAYSIAKU

Tarikh: 30 Ogos 2018

Penyertaan Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah dan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kedah.



TAKLIMAT PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN PRESTASI 2018 (KAJIAN PERTENGAHAN TAHUN SKT 2018)

Tarikh: 15 Ogos 2018

Tempat: Sudut IT Perpustakaan Sultan Badlishah.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Ketua Perpustakaan, Puan Azizah Khasim

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN KEDAH



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA

Tarikh: 29 Ogos 2018

Lokasi: Pusat Islam, UiTM Caw. Kedah

Peserta: 757 pelajar Pra Diploma MDAB dan pelajar Ijazah Sarjana Muda.

UiTM Cawangan kedah



LAWATAN YBHG. DATUK DR. ISMAIL SALLEH(EXCO KERAJAAN NEGERI KEDAH) KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

Tarikh: 30 Ogos 2018
Tempat: Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangasn Kedah

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN PAHANG



TAKLIMAT MODUL BERSAMA PELAJAR INTERIM 2018

Tarikh: 6 dan 7 Ogos 2018

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang

Peserta: 660 orang pelajar interim



SESI PERKONGSIAN ILMU OLEH PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Tarikh: 10 Ogos 2018

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang

Peserta: Pelajar Latihan Industri Diploma Pengurusan Perpustakaan, Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kedah, Kampus Merbok

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN TERENGGANU



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI KOLEJ VOKASIONAL KEMAMAN KE PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Tarikh: 13 Ogos 2018 (Isnin)

Penglibatan Pelajar: 25 Orang

Guru pengiring: 5 Orang



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI SMK AGAMA DATO' HAJI ABBAS, KUALA TERENGGANU KE PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Tarikh: 14 Ogos 2018 (Selasa)

Penglibatan Pelajar: 34 Orang

Guru pengiring: 5 Orang

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN TERENGGANU



PROGRAM KESUKARELAWAN PELAJAR INTERIM BERSAMA PERPUSTAKAAN

Tarikh: 2 Ogos 2018

Masa: 8.30 pagi – 12.00 tengahari

Tempat: Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi

Peserta: 36 Orang



INFORMATION LITERACY SKILLS (ILS) UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS DUNGUN: MINGGU 4

Tarikh: 05-09 Ogos 2018 (Ahad – Khamis)

Tempat: Makmal Komputer (MK3A3, MK3A4, MK3B4, MK4B1)

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN KELANTAN



KURSUS HANDS ON MODUL INTERIM PERPUSTAKAAN

Tarikh: 01 Ogos 2018 (Rabu)

Tempat: Bilik IT, PTA



KKM MODUL LMS (300,301) & MODUL LSC 102

Tarikh: 05 Ogos 2018 (Ahad)

Tempat: Dewan Professional, UiTM Cawangan Kelantan

Penceramah: En Muslim Ismail (LMS 300,301), Pn Nordelina Zulkarnain (LSC 101)

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN KELANTAN



KKM MODUL LSC 100

Tarikh: 06 - 07 Ogos 2018

Tempat: Perpustakaan Tengku Anis

Penceramah: Pn. Alina Hj Hussein (LSC 100)

UiTM *di hatiku*



KKM MODUL LSC 101

Tarikh: 07 - 08 Ogos 2018

Tempat: Perpustakaan Tengku Anis

Penceramah: Pn. Rosmariyati Ab Rahman (LSC 101)

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN KELANTAN



SUKAN INDOOR GAMES PTA 2018

Tarikh: 13 - 14 Ogos 2018

Tempat: Perpustakaan Tengku Anis

Peserta: Staf PTA Kampus Machang termasuk pelajar-pelajar Latihan Industri

Acara di pertandingkan: Ping Pong dan Karom (Berkumpulan L/W)

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN SARAWAK



BENGKEL PENYEDIAAN LAPORAN-LAPORAN PERPUSTAKAAN 2016-2018

Tarikh: 3 Ogos 2017(Jumaat)

Tempat: Sudut IT PTAR Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2,

Peserta : 3 orang pustakawan dan 12 Pembantu Pustakawan.

Tujuan : Menyediakan dokumen selaras dengan perubahan dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta membimbing dan mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam penyediaan laporan



BENGKEL LATIHAN PANGKALAN DATA ELSEVIER ZON BORNEO 5/2018

Tarikh: 13 Ogos 2018,

Anjuran: Pusat Khidmat Maklumat Akademik UNIMAS

Tempat: Makmal komputer Pusat Khidmat Maklumat Akademik UNIMAS

Peserta: 5 orang staf Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan (Puan Fazyiema Fazari, Cik Nurolhana Sheikh Naimullah, Puan Norhayati Ramin, Cik Comellie Elmie Risip dan Encik Abang Mohamad Farizan)

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN SARAWAK



PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TANPA PTAR VS BPII (INFOTECH+ FASILITI)

Tarikh: 14 Ogos 2018, selasa jam 5.00 petang,

Tempat: Gelanggang bola tampar Kampus Samaranan

Anjuran: Kelab Perpustakan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak

Tujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim disamping mencungkil bakat



LAWATAN DARI SEKOLAH

Tarikh: 21 Ogos 2018

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samaranan

Peserta: SMK Ulu Balingian Selangau dari 66 orang pelajar dan 7 orang guru pengiring.

SMK Sedaya Kanowit dari 40 orang pelajar dan 8 orang guru pengiring

AKTIVITI PERPUSTAKAAN, CAWANGAN SARAWAK



AKTIVITI GOTONG ROYONG 5S PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM CAWANGAN SARAWAK

Tarikh: 27 hingga 30 Ogos 2018,

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2
(Aras bawah dan Aras atas)




TAHNIAH & SYABAS

UCAPAN TAHNIAH KEPADA STAF PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM SHAH ALAM

Pihak Pengurusan Kanan dan warga Perpustakaan UiTM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian Dr. Zalifah Awang Zakaria memperolehi Ijazah Kedoktoran.

TAHNIAH & SYABAS



DR. ZALIFAH BINTI AWANG ZAKARIA
Pustakawan Kanan

di atas kejayaan memperolehi

**DOCTOR OF PHILOSOPHY
(LIBRARY AND INFORMATION SCIENCE)**

Daripada:
Seluruh warga kerja Perpustakaan UiTM



SENARAI AKTIVITI PERPUSTAKAAN

UiTM BULAN OGOS 2018

Let's Read: Blooming Books	26	Jul	2018	31	Ogos	2018	Perpustakaan, Level 2, Bangunan Akademik, UiTM Kampus Sungai Buloh		Lain-lain	Selangor
Perkongsian Maklumat : Penetapan Modul Information Literacy Skills Bagi Pelajar Minggu Interim Di Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan	18	Jul	2018	1	Ogos	2018	UITM Cawangan Sarawak		Lain-lain	Sarawak
Taklimat Berpandu Pelajar Interim Sesi Akademik 2018/2019	23	Jul	2018	2	Ogos	2018	Pekarangan PTAR Kampus Rembau	747	Lain-lain	Negeri Sembilan
PERTANDINGAN SOALAN BERKENAAN PAMERAN 2.0 PTAR TAPAH	6	Ogos	2018	6	Ogos	2018	PTAR CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH		Lain-lain	Perak
LIBRARY TOUR PELAJAR INTERIM SESI JULAI 2018 PTAR CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH	6	Ogos	2018	6	Ogos	2018	PTAR CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH	1500	Lain-lain	Perak
Library Open Day PTAR 2018 Kampus Dengkil	1	Ogos	2018	2	Ogos	2018	PTAR Kampus Dengkil, Selangor	1000	Lain-lain	Selangor
PROGRAM KESUKARELAWAN PELAJAR INTERIM BERSAMA PERPUSTAKAAN	2	Ogos	2018	2	Ogos	2018	PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITM CAWANGAN TERENGGANU	36	Lain-lain	Terengganu
Sesi Taklimat Berpandu Pelajar Interim ke Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan UiTM Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	9	Ogos	2018	9	Ogos	2018	Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Pulau Pinang Bahagian Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka	750	Lain-lain	Pulau Pinang
Job Attachment dari PTAR UiTM Cawangan Perak	9	Ogos	2018	14	Ogos	2018	Dewan Syura Al-Mizan, UiTM Cawangan Melaka	5	Latihan	Melaka
Library Outreach @ Kursus Pembangunan Profesional Kepimpinan dan Tanggungjawab Pensyarah UiTM	14	Ogos	2018		Ogos	2018	Bilik IT, Perpustakaan Tengku Anis	130	Lain-lain	Melaka
Kursus Hands On Modul Interim untuk staf PTA 2018	1	Ogos	2018	1	Ogos	2018	Dewan Professional / PTA / Makmal APB	6512	Lain-lain	Kelantan
KKM Modul LMS 300,301 dan LSC 100,101,102 untuk pelajar Interim Universiti Teknologi Mara Kelantan	5	Ogos	2018	9	Ogos	2018	Perpustakaan Tengku Anis Kampus Machang	814	Lain-lain	Kelantan
Lawatan Berpandu Pelajar Interim Kump 5,6 3,4 ke Perpustakaan Tengku Anis Kampus Machang	6	Ogos	2018	6	Ogos	2018	Perpustakaan Tengku Anis Kampus Machang	814	Lain-lain	Kelantan
Lawatan Berpandu Pelajar Interim Kump 1,2 , 7 , 8 ke Perpustakaan Tengku Anis Kampus Machang	7	Ogos	2018	7	Ogos	2018	Aras 2 , Perpustakaan Tengku Anis Kampus Machang	31	Lain-lain	Kelantan
Sukan Indoor Games PTA 2018	13	Ogos	2018	14	Ogos	2018	Foyer Pentadbiran , UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang		Lain-lain	Kelantan
Pinjaman Bergerak PTA 2018	14	Ogos	2018	15	Ogos	2018	UITM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	1,260	Lain-lain	Terengganu
Modul Information Literacy Skills (ILS) UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun: Minggu 4	5	Ogos	2018	9	Ogos	2018	Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	30	Lain-lain	Terengganu
Lawatan Sambil Belajar dari Kolej Vokasional Kemaman Ke Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu	13	Ogos	2018	13	Ogos	2018	Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun		Lain-lain	Terengganu
Lawatan Sambil Belajar dari SMK Agama Dato' Haji Abbas, Kuala Terengganu Ke Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu	14	Ogos	2018	14	Ogos	2018	Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	39	Lain-lain	Terengganu
Gotong Royong Pemindahan Koleksi Buku Rujukan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	9	Ogos	2018	9	Ogos	2018	Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun	75	Lain-lain	Terengganu
Emerald Publishing Training @ KBM	8	Ogos	2018	8	Ogos	2018	Makmal Komputer 1 (ZMK 1), UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya	30	Latihan	Melaka
Heartrace 8.0: Back to Nature & Pelancaran Jom Kibarkan Jalur Gemilang	9	Ogos	2018	9	Ogos	2018	Taman Rama - Rama & Reptilia Ayer Keroh, Melaka	70	Lain-lain	Melaka
Latihan & "Job Attachment" PTAR UiTM Cawangan Perak	9	Ogos	2018	9	Ogos	2018	Pusat Sumber Aras 12, UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya	5	Latihan	Melaka
Conference On Diversity Of Data Resource Description & Access (RDA) In The International Context	23	Ogos	2018	23	Ogos	2018	Dewan Azman Hashim, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur	2	Lain-lain	PTAR
Taklimat Modul bersama Pelajar Interim 2018	6	Ogos	2018	7	Ogos	2018	Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang	660	Lain-lain	Pahang
Program Kepimpinan, Kerohanian dan Capahan Minda SK Penjom 2018	9	Ogos	2018	9	Ogos	2018	Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang	40	CSR	Pahang
Sesi Perkongsian Ilmu oleh Pelajar Latihan Industri	10	Ogos	2018	10	Ogos	2018	Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang	28	Lain-lain	Pahang
Program Khidmat Bantu Pusat Sumber Sekolah Rendah Kebangsaan Jengka Pusat 2	16	Ogos	2018	16	Ogos	2018	SK Jengka Pusat 2, Jengka	24	CSR	Pahang
Program 'Bonding with Nature' di Taman Negara Pahang	20	Ogos	2018	20	Ogos	2018	Taman Negara Pahang	48	Lain-lain	Pahang
Lawatan dan Jalinan Kerjasama PDII LIP Indonesia	28	Ogos	2018	28	Ogos	2018	Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang	8	Lain-lain	Pahang
Lawatan Akademik ke Pulau Pinang	16	Ogos	2018	16	Ogos	2018	Perbadanan Perpustakaan Awam P.Pinang dan Penang Digital Library	30	Lain-lain	Kedah
Lawatan YBhg Datuk Dr Ismail Salleh	30	Ogos	2018	30	Ogos	2018	Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah		Lain-lain	Kedah
Pertandingan Dekorasi Keceriaan Kemerdekaan "Sayangi Malaysiaku"	28	Ogos	2018	28	Ogos	2018	Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah		Lain-lain	Kedah
Pertandingan Perarakan Kemerdekaan	30	Ogos	2018	30	Ogos	2018	UITM Caw. Kedah	27	Lain-lain	Kedah
Taklimat Penyediaan S.K.T	15	Ogos	2018	15	Ogos	2018	Perpustakaan Sultan Badlishah	20	Lain-lain	Kedah
Taklimat Perpustakaan Sempena Minggu Destini Siswa	29	Ogos	2018	29	Ogos	2018	Dewan Perdana, UiTM Caw. Kedah	757	Lain-lain	Kedah
Karnival STEM	13	Ogos	2018	14	Ogos	2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	300	Lain-lain	Melaka
Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan peringkat UiTM Cawangan Melaka	21	Ogos	2018	21	Ogos	2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	50	Lain-lain	Melaka
Lawatan Benchmark 5S	21	Ogos	2018	21	Ogos	2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin	10	Lain-lain	Melaka
Program Khidmat Masyarakat, Kembara Budaya & Khidmat Bakti Siswa	23	Ogos	2018	27	Ogos	2018	Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin		CSR	Melaka
UpToDate Training Session	2	Ogos	2018	2	Ogos	2018	Bilik Mesyuarat 1, Level 7, Bangunan Bilik Seminar 1, Bangunan Clinical Training Centre(CTC), UiTM Kampus	15	Latihan	Selangor
Clinicalkey Training Session: Slot Radiologist	15	Ogos	2018	15	Ogos	2018	Perpustakaan, Level 2, Bangunan Akademik, UiTM Kampus Sungai Buloh	14	Latihan	Selangor
Lawatan Delegasi IFLA WLIC 2018	30	Ogos	2018	30	Ogos	2018	Perpustakaan, Level 2, Bangunan Akademik, UiTM Kampus Sungai Buloh	12	Lain-lain	Selangor
Bengkel Penyediaan Laporan-laporan Perpustakaan 2016-2018	3	Ogos	2018	3	Ogos	2018	Sudut IT PTAR Cawangan Sarawak	15	Bengkel	Sarawak
Bengkel Latihan Pangkalan Data Elsevier Zon Borneo 5/2018	13	Ogos	2018	13	Ogos	2018	PTAR, UiTM CAWANGAN SARAWAK	5	Latihan	Sarawak
Kuching festival badminton team competition @ mbks	9	Ogos	2018	13	Ogos	2018	Majlis Bandaraya Kuching Selatan (M.B.K.)	1	Lain-lain	Sarawak
Refresher course cpr and firs aider	14	Ogos	2018	14	Ogos	2018	Blok M , UiTM Samarahan	3	Latihan	Sarawak
Perlawanan Persahabatan Bola Tanpa PTAR vs BPII (infotech+ fasiliti)	14	Ogos	2018	14	Ogos	2018	Gelanggang bola tampar Kampus Samarahan	10	Lain-lain	Sarawak
Lawatan Dari Sekolah SMK Ulu Balingian Selangor dan SMK dari Kanowit	21	Ogos	2018	21	Ogos	2018	Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak	121	Lain-lain	Sarawak
Aktiviti Gotong Royong 5s Perpustakaan Tun Abdul Razak Ultm Cawangan Sarawak	27	Ogos	2018	30	Ogos	2018	Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak	18	Lain-lain	Sarawak
Taklimat Perpustakaan (Online Database Module)	1	Ogos	2018	1	Ogos	2018	Dewan Biduanda,UiTM Kampus Rembau	747	Lain-lain	Negeri Sembilan
Staf PTAR Kampus Rembau menyertai Sukan Antara Staf Universiti Awam (SUKUM)	10	Ogos	2018	18	Ogos	2018	Universiti Malaysia Pahang	2	Lain-lain	Negeri Sembilan
Delegasi PTAR ke IFLA WLIC 2018	24	Ogos	2018	30	Ogos	2018	KLCC		Lain-lain	PTAR
Ucapan tahniah kepada staf PTAR	1	Ogos	2018	1	Ogos	2018	PTAR		Lain-lain	PTAR
Lawatan Penanda Arasan Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM Bangi ke PTAR	15	Ogos	2018	15	Ogos	2018	PTAR		Lain-lain	PTAR
Mesyuarat Program Kerjasama PTAR & Dewan Bahasa & Pustaka (DBP)	15	Ogos	2018	15	Ogos	2018	PTAR		Lain-lain	PTAR
Taklimat Program Penggiat Budaya Membaca IPT	16	Ogos	2018	16	Ogos	2018	PTAR		Lain-lain	PTAR
Sumbangan Buku	17	Ogos	2018	17	Ogos	2018	PTAR		Lain-lain	PTAR
Taklimat Perpustakaan Pelajar Baharu (MDS Sesi 2018/2019)	30	Ogos	2018	30	Ogos	2018	Dewan Kuliah,UiTM Kampus Rembau	99	Lain-lain	Negeri Sembilan
Pameran Tragedi Bukit Kepong	1	Ogos	2018	31	Ogos	2018	Galeri PTAR		Lain-lain	PTAR